

(20 Mei 2022) - Hm - P21

**lokal**

# Usir penyewa warga asing

Oleh Ekhwan Haque  
 Fazlul Haque  
 ekhwan@hmetro.com.my

*DBKL pastikan PPR dan PA hanya untuk penyewa layak*

## Kuala Lumpur

T iada kompromi buat penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang didapati menyewa kepada warga asing.

Malah, tindakan pengusiran juga dibuat jika ‘tembelang’ mereka mengaut keuntungan dihidu DBKL.

Menurut jurucakap DBKL, pihak berkuasa tempatan itu begitu teliti untuk memastikan mereka yang layak sahaja dibenarkan menyewa.

Katanya, kadar sewa dikenakan DBKL hanya RM124 hingga RM240 sebulan menjadikan PPR dan PA menjadi rebutan warga kota.

“Jika membabitkan warga asing, memang DBKL tidak berkompromi dan tindakan usir dikenakan kepada penyewa.

“Ini seperti merampas hak rakyat tempatan yang layak mendapat kediaman dan menetap dengan kadar sewa sedemikian,” katanya.



LAPORAN Harian Metro, 17 Mei 2022.

ketika dihubungi, semalam.

Dalam pada itu, katanya, isu ‘pewarisan’ PPR dan PA sememangnya berlaku namun pelbagai faktor perlu diambil kira sebelum keputusan pengusiran dibuat.

Menurutnya, ada antara generasi kedua yang terus menetap selepas kematian ketua penyewa iaitu bapa atau ibu mereka dan menghadapi isu masalah kewangan.

“DBKL perlu menilai pelbagai aspek kerana ada generasi kedua tidak mem-

punyi pendapatan tetap untuk tinggal di tempat lain jika diminta mengongskan kediaman.

“Namun, DBKL berharap tiada pihak mengambil kesempatan menikmati sewa rendah walaupun mereka berkemampuan menyewa di tempat lain,” katanya.

Muka depan Harian Metro sebelum ini melaporkan ada penyewa yang disifatkan golongan llat dan sengaja culas membayar sewa bulanan rumah didiami bersama keluarga hingga jumlah keseluruhannya mencecah RM50 juta.